



KENYATAAN MEDIA STATUS TERKINI WABAK RABIES 14 JULAI 2021

Pada hari ini YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Menteri Kewangan II, Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah mengisytiharkan **SATU (1) lagi kawasan baru wabak Rabies** seperti berikut:

1) **Kampung Mohd Taha, Bakong, Beluru**

Memandangkan kawasan ini berada di luar 10 km radius dari kawasan yang telah diisytiharkan, maka ianya kawasan baru wabak rabies yang **ke-72**.

Setakat ini, sebanyak **72** kawasan telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak rabies sejak Julai 2017 iaitu Kuching (7), Samarahan (4), Serian (22), Sri Aman (6), Betong (3), Sarikei (5), Sibul (3), Kapit (1), Mukah (6), Bintulu (5), Miri (8) dan Limbang (2). Jabatan Veterinar Sarawak telah menyuntik 206,629 ekor anjing dan akan meneruskan program pemvaksinan secara percuma di seluruh Sarawak.

Pemilik anjing sekali lagi diingatkan supaya memastikan anjing mereka diberi suntikan vaksin anti-rabies setiap tahun. Suntikan vaksin rabies boleh didapati dimana-mana Pejabat Veterinar Bahagian atau klinik veterinar swasta. Kegagalan berbuat demikian boleh disabit kesalahan dibawah Seksyen 40, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Denda tidak melebihi RM2,500 dan anjing boleh di tangkap dan *Targeted Removal* sekiranya tanpa bukti pemvaksinan anti-rabies.

Mebiarkan anjing lepas bebas akan menyebabkan anjing terdedah dengan virus rabies dan membawa anjing keluar dari kawasan wabak rabies tanpa kebenaran bertulis daripada *State Veterinary Authority* merupakan kesalahan dibawah Seksyen 37, dan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya jika disabit kesalahan.

Pemilik haiwan kesayangan perlu memandulkan anjing dan kucing mereka untuk mengawal pembiakan haiwan tersebut dan elakkan anjing dari bercampur dengan haiwan liar ataupun *strays*. Tanda-tanda penyakit rabies pada haiwan adalah; perubahan sikap, agresif, menggigit dan mulut berbuih, sensitif terhadap sentuhan, air, cahaya dan suara, hilang selera makan atau minum, lesu, lumpuh dan akhirnya mati. Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda tersebut **wajib** dilaporkan segera kepada JPVS di talian +6082-628248 / +6082-610023 (*Epidemiology & Surveillance Unit*) / +6016-2557267 (Rabies WhatsApp/Message). Mangsa yang digigit atau dicakar **harus** pergi ke hospital dengan segera bagi mendapat rawatan lanjut. Rawatan segera boleh menyelamatkan nyawa.